

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH: 20 OKTOBER 2015

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) sama ada pampasan PERKESO akan disemak semula dan dipertingkatkan lagi. Jika tidak, kenapa; dan
- (b) nyatakan jenis-jenis perlindungan terhadap pekerja-pekerja yang tidak tertakluk di bawah perlindungan PERKESO.

PR-1333- L70257

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam usaha untuk memastikan Skim perlindungan PERKESO kepada pekerja terus relevan dan dipertingkatkan, PERKESO dari

masa ke semasa meneliti dan mengkaji semula skim pampasan yang sedia ada. Faedah perlindungan (Pampasan) PERKESO yang diperuntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 telah beberapa kali dipinda sejak tahun 1979. Sehingga tahun 2014 sebanyak 10 kali pindaan telah dibuat di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2013 yang melibatkan peningkatan kadar harian minimum Skim Bencana Pekerjaan iaitu Faedah Hilang Upaya Sementara dan Faedah Hilang Upaya Kekal dari RM10.00 kepada RM30.00. Peningkatan kadar faedah minimum Pencen Ilat dan Pencen Penakat dari RM250.00 pencen minimum kepada RM475.00 sebulan, dan penetapan kadar bulanan Elaun Layanan Sentiasa sebanyak RM500.00 sebulan. Bayaran Elaun Rehabilitasi *Return To Work* sebanyak RM20.00 sehari juga diberi kepada Orang Berinsurans (OB) yang disahkan perlu mengikuti program pemulihan jasmani dan vokasional.

2. PERKESO juga telah memperluaskan skim perlindungan kepada penjawat awam yang berstatus kontrak dan sementara mulai 01 Jun 2013. Semakan semula peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 akan terus dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan skim perlindungan PERKESO memenuhi tuntutan rakyat.

3. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada masa ini mengendalikan dua skim perlindungan keselamatan sosial pekerja, iaitu Skim Bencana Kerja dan Skim Pencen Ilat. Faedah-faedah di bawah kedua-dua

skim insurans ini, termasuk faedah tunai, perubatan dan pemulihan. Walau bagaimanapun, jenis-jenis perlindungan terhadap pekerja-pekerja yang tidak tertakluk di bawah perlindungan PERKESO ialah

:-

- i. kemalangan yang langsung tidak berkaitan pekerjaan,
- ii. pekerja yang bekerja sendiri (*self employed*),
- iii. skim persaraan (*old age pension*),
- iv. faedah pemberhentian pekerja (*retrenchment benefits*) yang dibayar oleh majikan seperti yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955,
- v. faedah bersalin dan sakit (*maternity and sickness*).